

Hobi main dron kini punca rezeki

Yusliza Yakimir Abd Talib
yusliza@hmetro.com.my



Nazrin



Permandangan indah yang diambil dengan Drone



Nazrin Mahir Mengendalikan Drone



Nazrin memberi latihan pengendalian Drone



Kelab drone KL Division Sering Mengadakan Perjumpaan

Menerbangkan pesawat kertas yang kita bina daripada sehelai kertas semasa kecil pasti memberi nostalgia tersendiri. Begitu juga permainan layang-layang atau wau yang menjadi hobi waktu santai bersama keluarga di taman awam dan taman tasik atau di tepi pantai.

Ketika ini, permainan terbang tradisional itu mula digantikan dengan permainan berteknologi tinggi dan berinovasi yang diberi nama dron atau Unmanned Aerial Vehicle (UAV) yang menggunakan hukum aerodinamik untuk mengangkatnya.

Ia seperti helikopter kecil yang boleh dikawal dari jauh dan mempunyai kamera berdefinisi tinggi yang boleh merakam pemandangan indah dari udara.

Pesawat tanpa juruterbang itu mula mendapat perhatian masyarakat dunia tanpa mengenal usia sejak diperkenalkan beberapa tahun lalu kerana memberi kenikmatan tersendiri.

Tidak sekadar hobi, kini dron sudah banyak dimanfaatkan untuk keperluan lain, termasuk untuk tugas-tugas tertentu, permainan dan peluang perniagaan.

Penggiat hobi itu, Muhammad Nazrin Sulaiman, 26, berkata, permainan itu pada mulanya hanya dijadikan wadah untuk mengisi masa lapang namun lama-kelamaan ia semakin mengujakan hingga dia mula terfikir untuk membabitkan diri secara profesional.

Menurutnya, bermula sebagai hobi dia kini antara pembekal barang-barang dron di laman sosial Facebooknya, dronepilotequipment dan muhammadnazrin malah mendapat kepercayaan untuk menjadi tenaga pengajar bagi pengendalian alatan itu.

Katanya, pada mulanya tidak pernah terlintas bahawa dengan hobi kita juga boleh menjana pendapatan. Tidak cukup dengan itu, kemahirannya mengendalikan dron turut membawa rezeki apabila dia sering dijemput untuk bekerjasama dalam bengkel atau latihan untuk pengendalian alat itu.

Hobi itu juga katanya seakan-akan satu kepuasan apabila dia dapat melihat keindahan bumi yang meluas dari udara dan sekali gus memberi keinsafan kepada dirinya dan betapa kerdilnya manusia berbanding kekuasaan Allah mencipta bumi ini.

Muhammad Nazrin yang juga usahawan makanan berkata, lebih mengujakan apabila hobi itu juga dapat memberi manfaat kepada orang lain dan melalui kemahirannya itu juga dia dapat membantu masyarakat melalui misi mencari serta menyelamat yang disertainya bersama agensi penyelamat.

"Saya pernah tawarkan diri untuk membantu selepas mendapat berita daripada rakan mengenai kejadian lemas di Pantai Bukit Keluang, Besut Terengganu. Selepas mendengar berita itu pada jam 10 malam, tepat jam 2 pagi saya mulakan perjalanan ke lokasi itu dari Kuala Lumpur dan tiba jam 7 pagi.

“Dua jam berikut selepas diberi taklimat oleh agensi penyelamat, saya menaiki bot sejauh lima batu nautika untuk misi mencari dan menyelamat menggunakan dron. Ini antara pengalaman berharga yang tidak mungkin saya lupakan sampai bila-bila,” katanya.

Mengimbang bagaimana dia berjinak-jinak dengan hobi itu, Muhammad Nazrin berkata semuanya bermula pada penghujung 2014 apabila dia membeli dron gred permainan berharga paling murah ketika itu iaitu lebih RM100 sebelum menaik taraf dengan dron yang berharga RM300.

Lama-kelamaan katanya, dia berasa tidak puas dan mula melakukan pencarian dron yang lebih terkini dan mengeluarkan lebih RM6,000 untuk mendapatkan dron berkualiti, Hexa S550 dilengkapi kamera Go Pro Hero 4.

Ketika itu, model terbabit dijual dalam binaan berasingan dan perlu dipasang sendiri. Katanya, kini kebanyakan model dron baru lebih canggih dan sedia diterbangkan dilengkapi kamera tersendiri.

Katanya, hampir RM30,000 dibelanjakan untuk hobi itu namun itu tidak menghalangnya untuk meneruskan hobi berkenaan.

“Ini kerana walaupun saya perlu mengeluarkan sejumlah wang pada awalnya, saya menjadikan ia sebagai lubuk rezeki dengan menjual barang dron kepada mereka yang berminat.

“Saya juga tidak lokek untuk mengajar pembeli teknik menerbangkan dron.

“Selain itu, saya turut mendapat jemputan untuk program latihan pengendalian dron, melakukan gimik pad majlis korporat selain terbabit dalam pameran dan menyediakan khidmat dron untuk majlis perkahwinan,” katanya.

Muhammad Nazrin turut mengggantoi kelab Drone KL Division dan sering mengadakan perjumpaan sesama ahli serta mengadakan pelbagai program bersama.

Antara program dianjurkan kelab itu ialah Fun Fly untuk berkongsi pengalaman ahli selain mengajar ahli baru mengendalikan dron.

Berkongsi tip berguna mengenai dron, Muhammad Nazrin berkata, untuk menerbangkan dron perlu ambil kira tempat ingin diterbangkan.

Ini kerana tempat berlainan perlu menggunakan jenis dron berlainan dan tidak semua tempat sesuai menggunakan dron sama.

Katanya, pelbagai variasi dron terdapat di pasaran bergantung kepada keperluan. Untuk hobi, biasanya dron yang digunakan adalah kecil, juga dipakai untuk mengambil gambar atau video dari ketinggian. Efek gambar yang dihasilkan amat memukau kerana landskap yang lebih luas dan berlainan.

“Dron tidak boleh diterbangkan sembarangan. Ketika menerbangkan dron ketinggian dan tekanan angin perlu diperhatikan.

“Tempoh terbang bagi dron berbeza bergantung muatan dan cara menerbangkannya. Dron rata-rata boleh terbang 10 hingga 15 minit manakala kemampuan kawalan sehingga 150 meter ke 200 meter radius,” katanya.

Bagaimanapun, Muhammad Nazrin menekankan dron bukan saja hobi tapi boleh membawa banyak kebaikan kepada masyarakat dan negara jika digunakan untuk tujuan yang betul.

“Jika gunakan secara salah maka salahlah ia sebaliknya kalau ikut undang-undang ia menjadi sesuatu yang bermanfaat untuk kita.

“Sebab itu saya selalu tekankan kepada peminat dron agar tidak sesekali menerbangkannya di tempat larangan seperti kem tentera, lapangan terbang, balai polis dan bangunan kerajaan kerana ia menyalahi undang-undang,” katanya.

Artikel ini disiarkan pada : Jumaat, 17 Mac 2017 @ 12:44 PM